

## Akidah Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah dan Cabaran Umat Islam di Malaysia

Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi✉

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

✉*drkuzaki@gmail.com*

### Abstract:

The creed of ahl al-sunnah wa al-jamaah (the people of the sunnah and the community) is the largest denomination of Islam, followed by the majority of Muslims in the world. In the case of Malaysia, Islam has been acknowledged as the religion of the Federation, while ahl al-sunnah wa al-jamaah is well accepted as a Muslim creed and serves as the main source of reference, especially in matters arising from Islamic doctrine. However, it is undeniable that there are other creeds that do not conform to this creed, such as Shia and Qadiyani, as well as modern Western ideologies such as humanism, pluralism, liberalism, rationalism, and so on. These distorted theological sects and ideologies practice some deeds that are contrary to Islamic law, such as mut'ah or temporary marriage, intense devotion to a particular individual, defining the legal ruling using logical reasoning, and so on. These phenomena have led to misunderstandings, especially among the young generation, thus leading to negative cultural practices that would impede the survival of the Muslim civilization in Malaysia. Therefore, this qualitative study is developed based on library research data. As a result, this article aims to elucidate the framework of ahl al-sunnah wa al-jamaah creed that should be preserved to keep up with the coming challenges to Muslims. Subsequently, it proposes several efforts and solutions that need to be considered to preserve the survival and status of this creed in Malaysia.

**Keywords:** The creed of ahl al-sunnah wa al-jamaah; theological sects' deviant teaching; Muslim community

### INTRODUCTION

Akidah Ahli Sunnah Wa al-Jamaah telah menjadi pegangan arus perdana sebahagian besar umat Islam di dunia. Perlembagaan Malaysia (2002) memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Artikel 3(1) telah memperuntukkan Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Artikel 3 Fasal 2 pula menegaskan dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri yang tidak mempunyai raja, kedudukan raja sebagai ketua agama Islam dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh perlembagaan negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan

kuasa yang dinikmati olehnya sebagai ketua agama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap raja yang lain hendaklah atas sifatnya sebagai ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah membuat keputusan menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari pada segi akidah, syariah dan akhlak. Ketetapan tersebut juga telah membentuk pandangan semesta (world view) masyarakat Islam yang juga mempengaruhi perkembangan tamadun di Malaysia.

Menurut Muhammad Uthman El-Muhammady (2010), umat Islam di Malaysia sekian lama telah memaharni Islam secara holistik dengan ajaran ahli Sunnah Wal Jamaah dijadikan sebagai pegangan akidah yang telah menyatu padukan mereka. Pegangan akidah ahli Sunnah Wal Jamaah ini berasaskan kepada ajaran akidah Imam Al-Ash'ari, fiqh mengikut mazhab Shafi'e dan akhlak pula berpandukan tasawuf Imam al-Ghazali.

Secara umumnya, masyarakat Islam di Malaysia mengikut aliran mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dari segi pegangan teologi dan mazhab Syafi'i dari segi fiqh. Mazhab ini secara de facto adalah mazhab rasmi agama Islam di Malaysia. Status rasmi ini tidak diperolehi secara dikri atau sanksi perundangan atau mahkamah tetapi melalui amalan pentadbiran dalam pengeluaran fatwa dan amalan di Mahkamah Syariah. Dari sudut kronologi sejarah undang-undang pentadbiran agama Islam di Malaysia memberi penekanan kepada mazhab Syafi'i terutama dalam pengeluaran fatwa (Ibrahim Abu Bakar 1994).

Kemunculan aliran teologi non-sunni seperti Syiah dan cabaran golongan yang dianggap heretic seperti pergerakan Darul Arqam dan golongan anti hadis terhadap orthodoxy sunisme seperti yang didokong oleh ulama-ulama Malaysia dalam amalan keagamaan dan tanggapan terhadap beberapa isu semasa seperti hak-hak wanita dan kebebasan untuk memilih agama (persoalan murtad) pada dekad 1990an menyebabkan ulama tradisional sama ada yang menduduki jabatan-jabatan rasmi pemerintah atau sebaliknya memberi reaksi agresif kepada cabaran-cabaran di atas. Tindakan keras telah

diambil kepada golongan Syiah dan pergerakan Darul Arqam melalui pewartaan fatwa melarang kegiatan golongan ini dan penangkapan pemimpin mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Manakala tindakan terhadap golongan anti hadith hanyalah melalui pewartaan melarang kegiatan kumpulan tersebut tanpa melibatkan apa-apa tangkapan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sungguhpun dari segi cabaran kepada ajaran Islam kegiatan kumpulan ini adalah lebih serius daripada pergerakan Darul Arqam (Ahmad Hidayat Buang 2003).

Pergerakan Syiah dan kegiatan golongan anti hadith sesungguhnya merupakan satu cabaran kepada homogeniti pegangan ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Malaysia sebagaimana cabaran golongan kaum muda terhadap homogeniti fiqh Syafi'i pegangan ulama tradisi pada masa dahulu. Respon terhadap cabaran ini adalah sama sahaja iaitu kawalan dengan menggunakan instrumen pemerintah melalui pengeluaran fatwa. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan di negeri-negeri menetapkan tiga perkara:

1. Pengisytiharan bahawa pegangan umat Islam di dalam negeri adalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dari segi akidah, syariah dan akhlak.
2. Pegangan selain dari Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah bercanggah dengan hukum syarak.
3. Penyebaran apa-apa ajaran dalam apa-apa bentuk sekali pun selain pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah dilarang. (Warta Kerajaan Negeri Terengganu 1997)

Fatwa di atas jelas menunjukkan percubaan ulama tradisi dengan kerjasama penguasa politik negara untuk memastikan uniformity pegangan akidah umat Islam di Malaysia dalam homogeniti Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Ini secara tidak langsung telah menjadikan sunisme sebagai mazhab rasmi Malaysia. Fatwa-fatwa ini menunjukkan kerajaan Malaysia berusaha bersungguh untuk mencegah pemikiran bukan sunni daripada merebak dan bertapak dalam masyarakat Islam (Ahmad Hidayat Buang 2003).

## **SEJARAH PERKEMBANGAN MAZHAB AHLI SUNNAH WA AL-JAMAAH**

Dari sudut sejarah, tidak diketahui dengan tepat tarikh kemunculan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, begitu juga tentang tokoh yang mula memperkenalkan nama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Kemunculannya sangat jauh berbeza dalam beberapa variasi. Ia berbeza daripada aliran Syiah dan Khawarij kerana kemunculan kedua-dua golongan ini bermotifkan politik terutama sekali politik kepimpinan umat Islam. Oleh itu golongan

Syiah dan Khawarij boleh dikatakan sebagai dua buah parti siasah agama yang terawal lahir di dalam sejarah umat Islam (Abdul Shukor Hussein 1998).

Menurut Syaikh al-Islam Ibn Taymiyyah (1986), mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah mazhab yang telah sedia ada semenjak dahulu lagi dan sudah pun dikenali sebelum Allah menciptakan Abu Hanifah, Malik, al-Syafi'i dan Ahmad. Ia adalah mazhab para sahabat yang bersumber daripada Nabi mereka. Mereka bersepakat mengatakan bahawa ijma' para sahabat itu adalah hujah tetapi mereka berselisih pendapat tentang ijma' generasi selepas sahabat.

Ibn 'Abbas (r.a.) pernah menyebut istilah ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ketika beliau mentafsirkan firman Allah (s.w.t.) maksudnya: (Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam (Quran, 3: 106).

Dalam ayat tersebut, Ibn 'Abbas mentafsirkan muka orang-orang yang menjadi putih berseri itu ialah ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan golongan ulama, manakala muka orang-orang yang menjadi hitam legam ialah ahli-ahli bid'ah yang sesat (Ibnu Kathir 1988).

Ayyub al-Sikhtiyani (w. 131H) pernah berkata: "Apabila sahaja aku mendengar berita kematian seorang lelaki daripada golongan ahl al-Sunnah seseolah-olah aku kehilangan sebahagian anggota tubuh badanku" (Al-Lalika'i 2001).

Sufyan al-Thawri (w. 161H) pula pernah berkata: "Hendaklah kamu berbuat baik kepada Ahl al-Sunnah kerana mereka adalah golongan pedagang." Beliau juga berkata: "Alangkah sedihnya golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah" (Al-Lalika'i 2001).

Al-Fudayl ibn 'Iyad (w. 187H) pernah berkata: "Golongan Murji'ah berpendapat iman itu ialah pengucapan kata-kata tanpa amalan; Jahmiyyah pula berpendapat iman itu ialah ma'rifah tanpa pengucapan kata-kata dan amalan; dan Ahl al-Sunnah pula berpendapat iman itu ialah ma'rifah, pengucapan kata-kata dan amalan (Ibnu Jarir al-Tabari 1402H).

Abu 'Ubayd al-Qasim b. Sallam (w. 224H) menyatakan dalam mukadimah kitabnya yang bertajuk al-Iman berkenaan pegangan yang wajib diikuti dalam mendalami ilmu akidah ialah pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (Abu 'Ubayd al-Qasim b. Sallam t.t.).

Ahmad b. Hanbal (w. 241H) pula menyatakan dalam mukadimah kitabnya al-Sunnah: "Inilah mazhab ahli ilmu, ashab al-athar dan ahl al-sunnah yang berpegang teguh

pada al-Sunnah yang dikenali jejak langkahnya serta menjadi ikutan umat bermula daripada para sahabat nabi (s.a.w.) hinggalah ke hari ini (Ahmad b. Hanbal t.t.).

Fakta-fakta di atas menjelaskan bahawa istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sudah pun dikenali dan digunakan di kalangan para sahabat dan juga ulama salaf. Fakta tersebut menolak sama sekali pendapat Mustafa al-Syak'ah (1979) yang menyatakan bahawa penamaan ahl al-Sunnah pada mulanya ditujukan secara khusus kepada golongan al-Asya'irah dan sesiapa yang mengikuti jejak golongan tersebut, kemudian skop ahl al-sunnah mula meluas sehingga meliputi pengasas mazhab dan ulama-ulama fekah seperti al-Syafi'i, Malik, Abu Hanifah, Ahmad b. Hanbal, al-Awza'i dan lain-lain. Beliau juga mendakwa bahawa penamaan ahl al-Sunnah hanya muncul pada kurun ke-7H.

Padahal, kurun ke-3H telah menyaksikan perkembangan ilmu kalam yang dipelopori oleh ahl al-Hadith. Pada ketika itu, telah terhasil beberapa kitab yang mewakili mazhab ahl al-Sunnah seperti Khalq Af'al al-'Ibad, al-Ikhtilaf fi al-Lafz dan kitab-kitab yang dikarang oleh al-Darimi. Jelas daripada kelahiran kitab-kitab tersebut, wujudnya aliran ilmu kalam di kalangan ahl al-hadith yang akhirnya terbentuk sebagai satu firqah sebagai lawan kepada firqah al-Jahmiyyah, al-Mu'tazilah dan al-Khawarij. Setelah itu, mereka dikenali sebagai ahl al-Hadith dan ahl al-Sunnah (Ali Sami al-Nasyar 1854).

Ahmad Amin (1980) pula menegaskan bahawa penamaan ahl al-Sunnah sudah pun wujud sebelum al-Asy'ari dan al-Maturidi lagi iaitu kepada satu golongan yang menamakan diri mereka sebagai ahl al-Sunnah bagi menolak hujah-hujah al-Mu'tazilah.

Kesimpulannya, asas pengenalan kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah boleh dilihat melalui keiltizaman mereka dengan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan utama mengatasi yang lain. Di samping itu mereka memandang tinggi kepada generasi sahabat, tabi'in dan tokoh-tokoh ulama hadith kerana melalui jaluran ini ilmu-ilmu agama dapat dipelajari serta diyakini (Al-Asy'ari 1409H).

## DEFINISI AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Para ulama telah berusaha untuk untuk mencari golongan manakah yang dimaksudkan dengan al-Jama'ah iaitu golongan yang terselamat sebagaimana dijelaskan dalam hadith Rasulullah (s.a.w.) maksudnya: Dari Anas b. Malik bahawa Rasulullah (s.a.w.) bahawa Bani Israil telah berpecah kepada 71 golongan. 70 golongan telah hancur binasa dan satu golongan lagi terselamat. Sesungguhnya umatku juga akan berpecah

kepada 72 golongan dan 71 golongan akan hancur binasa. Satu golongan lagi akan terselamat. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah golongan yang terselamat itu? Baginda (s.a.w.) menjawab: Al-Jama'ah, al-Jama'ah (Ahmad bin Hanbal; Ibnu Majah).

Secara umumnya pendapat para ulama berhubung dengan al-Jama'ah adalah seperti berikut (Al-Syatibi 1988):

1. Golongan teramai (al-Sawad al-A'zam) daripada umat Islam. Ini berdasarkan sabda Rasulullah (s.a.w.) riwayat al-Hakim maksudnya: Allah tidak menghimpunkan umatku di dalam perkara kesesatan selama-lamanya. Hendaklah kamu mengikuti al-Sawad al-A'zam. "Tangan" Allah bersama-sama dengan al-Jama'ah. Sesiapa yang menyendiri dia akan menyendiri di dalam neraka.

Maksud istilah al-Sawad al-A'zam itu adalah sekumpulan majoriti orang yang berhimpun mentaati pemerintah dan menurut jalan yang lurus (Ibn al-Athir 1979).

Pendapat ini dinukilkan daripada Abu Ghalib yang menyatakan bahawa al-Sawad al-A'zam itu merupakan golongan yang selamat daripada perpecahan. Urusan agama yang mereka sepakati itu ialah al-haqq. Sesiapa yang menyalahi mereka, maka dia mati dalam keadaan jahiliah sama ada apa yang mereka perselisihkan itu merupakan suatu perkara daripada syariat atau tentang imam dan pemerintah mereka kerana ia menyalahi al-haqq (Al-Syatibi 1988).

Berdasarkan kenyataan ini, termasuk dalam pengertian al-Jama'ah itu ialah golongan mujtahid umat, para ulama dan juga pendukung syariat yang beramal dengannya. Golongan yang selain daripada mereka ini juga termasuk di dalam kalangan mereka apabila mereka menuruti jejak mereka. Sesiapa sahaja yang keluar daripada jemaah mereka, maka dia merupakan golongan menyeleweng yang terjatuh dalam perangkap syaitan. Begitu juga ahli bid'ah kerana amalan mereka itu bercanggah dengan amalan golongan yang terdahulu daripada umat ini. Oleh kerana itu dalam keadaan apa sekalipun mereka itu tidak termasuk dalam golongan al-Sawad al-A'zam.

2. Golongan ahli ilmu, ahli fiqh dan ahli hadith dari kalangan ulama mujtahidin. Ini adalah kerana Allah telah menjadikan para imam mujtahid itu sebagai hujah ke atas makhluk dan makhluk menerima ajaran mereka dalam urusan agama. Merekalah golongan yang

dimaksudkan melalui sabda Rasulullah (s.a.w.) maksudnya: Allah tidak menghimpunkan umatku di dalam perkara kesesatan selama-lamanya. (Al-Hakim)

3. Para sahabat Rasulullah (s.a.w.) secara khusus, tidak termasuk generasi yang datang selepas mereka. Ini kerana mereka telah menegakkan tiang agama dan meneguhkan sendi-sendinya. Mereka juga merupakan golongan yang tidak pernah berhimpun di dalam perkara-perkara yang sesat (Al-Syatibi 1988).

Pendapat ini juga menepati riwayat al-Jama'ah yang disebutkan oleh Rasulullah (s.a.w.) dalam sebuah hadith riwayat al-Tirmidhi maksudnya: Mereka yang mengikuti jalan hidupku dan juga para sahabatku.

4. Golongan Ahl al-Islam apabila mereka mendukung perintah syarak atau golongan Ahl al-Ijma' yang bersepakat di atas satu-satu perkara sama ada ia melibatkan hukum syarak atau iktikad. (Al-Syatibi 1988). Pendapat ini disimpulkan daripada hadith riwayat al-Hakim maksudnya: Allah tidak menghimpunkan umatku di dalam perkara kesesatan selama-lamanya.
5. Golongan umat Islam yang mengikuti seorang pemimpin. Ini merupakan pendapat al-Tabari yang menegaskan bahawa apa yang disebutkan di dalam hadith yang menyatakan kewajipan berjemaah ialah ketaatan orang yang mengangkat seorang pemimpin. Maka sesiapa yang melanggar baiahnya, dia terkeluar daripada al-Jama'ah (Al-Syatibi 1988).

Setelah menyatakan pendapat-pendapat tersebut, akhirnya al-Syatibi (1988) membuat kesimpulan bahawa yang dimaksudkan dengan al-Jama'ah itu ialah bersatu di bawah kepimpinan seorang imam yang berpegang teguh pada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya. Oleh yang demikian jelas bahawa bersatu di atas yang lain daripada Kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya bermakna terkeluar daripada pengertian al-Jama'ah sebagaimana yang difahami dalam hadith berkenaan.

Ringkasnya, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah merupakan generasi para sahabat dan tabi'in yang bersatu mengikuti kebenaran yang jelas daripada Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah (s.a.w.) (Muhammad Khalil al-Harras 2001).

Dalam erti kata lain, apa-apa sahaja yang datang daripada Rasulullah (s.a.w.) dan juga sirah para sahabat (r.a.) merupakan satu kebenaran yang wajib diikuti dan diteladani. Setiap orang yang datang selepas mereka dengan menjejaki jalan mereka dan mengikuti

sunnah mereka, maka dia adalah termasuk dalam golongan al-Jama'ah, baik secara individu mahupun secara berjemaah (Al-Misri 1413H).

Al-Bukhari (w. 256H) pula berpendapat al-Jama'ah merujuk kepada ahli ilmu, ahli fiqh dan ahli hadith daripada kalangan Imam Mujtahidin. Ini adalah kerana Allah (s.w.t.) telah menjadikan mereka sebagai hujah ke atas manusia dan mereka juga menjadi rujukan dalam urusan agama (Ibnu Hajar t.t.).

Al-Tirmidhi (w. 279H) pula menyatakan bahawa para ulama menafsirkan al-Jama'ah dengan ahli fiqh dan ahli hadith. Al-Tirmidhi juga menyebut riwayat daripada Ibn al-Mubarak (w. 181H) yang menegaskan bahawa al-Jama'ah itu ialah Abu Bakr al-Siddiq dan Umar al-Khattab. Kemudian beliau ditanya lagi: Abu Bakr dan Umar sudah lama meninggal. Ujar beliau: Si polan dan si polan. Dikatakan lagi: Si polan dan si polan juga sudah meninggal. Jawab beliau: Abu Hamzah al-Sakri adalah Jama'ah (Al-Tirmidhi t.t.).

Ibn Hazm (1395H) pula mentakrifkan Ahl al-Sunnah sebagai mereka yang disebut sebagai Ahl al-Haqq dan golongan selain daripada mereka dikenali sebagai Ahl al-Bid'ah. Mereka terdiri daripada para sahabat (r.a.) dan semua orang yang mengikut manhaj mereka iaitu para tabi'in, ahli hadith dan pengikut mereka dari kalangan ulama fiqh generasi demi generasi hingga ke hari ini dan pengikut mereka yang terdiri daripada orang awam di timur dan barat.

Al-Saffarini (w. 1188H), pula berpendapat bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah Ahl al-Islam dan Ahl al-Tawhid yang berpegang pada sunnah yang sabit daripada Rasulullah (s.a.w.) di dalam bidang akidah dan nihal . Ibadah batin dan zahir mereka tidak pula dicemari oleh bid'ah Ahl al-Ahwa' dan Ahl al-Kalam dalam bidang ilmu akidah (Muhammad bin Ali bin Sallum 1983).

Prof. Dr. Hamka pula berpendapat bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah itu ialah orang yang mengikuti sunnah Nabi (s.a.w.) dan para ulama mujtahid yang mengeluarkan pendapat yang bebas sebagai hasil ijtihadnya. Orang-orang yang menganut mazhab Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali di dalam soal furu' ialah golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, sedangkan Syiah, Khawarij dan Mu'tazilah tidak termasuk di dalamnya. Demikian juga pendukung-pendukung bid'ah yang menambah, apatah lagi mengurangi ajaran Nabi Muhammad (s.a.w.) tidak termasuk dalam golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Di dalam ilmu Kalam, mazhab al-Asy'ari dan al-Maturidi ialah mazhab Ahl al-

Sunnah wa al-Jama'ah (Umar Hasyim 1999; Mohd Radzi Othman dan O.K. Rahmat 1996).

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, dapat disimpulkan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah golongan yang berpegang teguh kepada ajaran al-Quran dan sunnah Rasulullah (s.a.w.) serta apa yang para sahabat, tabi'in dan pengikut mereka hingga hari ini beriltizam dengan keduanya sama ada melalui perkataan, perbuatan mahu pun iktikad dan bertepatan dengan sumber-sumber tersebut. Oleh itu, tidak termasuk dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah mereka yang merupakan ahli bid'ah dan orang awam yang bertaklid. Ini kerana ahli bid'ah dan juga orang awam bukanlah merupakan golongan yang boleh diteladani dan diikuti serta merekalah yang sebenarnya yang mengikuti ulama yang termasuk dalam kelompok Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah juga dianggap sebagai al-Firqah al-Najiyah berdasarkan hadith-hadith di atas kerana mereka terselamat daripada kesesatan dan azab api neraka di samping mereka mengikut manhaj kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya. Selain daripada itu, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah juga dikenali sebagai al-Ta'ifah al-Mansurah kerana merekalah golongan yang dipelihara Allah untuk memikul tanggung jawab agama dan menunaikan amanah Islam sehingga hari kiamat (Al-Misri 1413H).

Rasulullah (s.a.w.) bersabda maksudnya: Sentiasalah ada suatu golongan di kalangan umatku yang mempertahankan kebenaran sehingga datang keputusan Allah, mereka tetap dalam keadaan mempertahankan kebenaran tersebut (Sahih al-Bukhari; Muslim).

### POLEMIK KLASIFIKASI AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Persoalan tentang siapakah sebenarnya golongan yang termasuk dalam aliran ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah juga merupakan isu yang diperdebatkan di kalangan al-firqah sehingga masing-masing mendakwa bahawa merekalah yang sebenarnya pendukung aliran ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Syiah Imamiyyah Rafidah mendakwa merekalah golongan yang disebut Rasulullah (s.a.w.) sebagai al-Firqah al-Najiyah dan ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Mu'tazilah juga mendakwa bahawa mereka juga adalah al-Firqah al-Najiyah dan ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan bersandarkan hadith palsu rekaan mereka (Ibn al-Murtadha 1316H).

Tidak ketinggalan, al-Asya'irah juga menamakan diri mereka sebagai al-Firqah al-Najiyah dan ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Ulama-ulama ilmu Kalam aliran al-Asya'irah sentiasa menyebut di dalam karangan-karangan mereka bahawa segala pandangan dan

hujah yang dikemukakan dalam satu-satu isu berdasarkan aliran ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (Al-Baqillani 1963). Malah al-Saffarini telah membahagikan ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kepada tiga golongan iaitu al-Athariyyah yang dipimpin oleh Ahmad b. Hanbal, al-Asy'ariyyah yang dipimpin oleh Abu al-Hasan al-Asy'ari dan al-Maturidiyyah yang dipimpin oleh Abu Mansur al-Maturidi (Muhammad bin Ali bin Sallum 1983).

Pembahagian ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kepada tiga golongan iaitu al-Athariyyah (Salaf), al-Asy'ariyyah dan al-Maturidiyyah boleh dipersoalkan kerana ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang merupakan al-Firqah al-Najiyah pada hakikatnya satu firqah yang disebut Nabi (s.a.w.) dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibn Majah. Tambahan pula, al-Asya'irah berbeza pendapat dengan Salaf berkenaan al-Sifat al-Khabariyyah. Salaf mengisbatkan sifat tersebut tanpa sebarang takwil manakala al-Asya'irah pula mentakwilkannya sesuai dengan kesempurnaan Allah (s.w.t.) (Abi al-Izz al-Dimasyqi 1987).

Manakala menurut Uthman el-Muhammady: "Yang dimaksudkan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah ialah ajaran dan amalan yang berasal daripada Nabi s.a.w. dan para sahabatnya sebagaimana yang ternyata daripada hadith yang menyebut umat Islam akan berpecah kepada 73 golongan, yang selamat hanya satu, iaitu mereka yang dipanggil sebagai jemaah yang selamat dan benar, yang berpegang kepada dasar hidup nabi dan para sahabatnya, mereka itulah Ahli Sunnah Wa al-Jamaah" (Muhammad Uthman el-Muhammady 2011).

Dalam menjelaskan siapa Ahli Sunnah Wal Jamaah, Imam al-Murtadha al-Zabidi (1989) menyebutkan di dalam kitabnya Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bahawa: "Apabila disebutkan Ahlu Sunnah Wa al-Jamaah maka yang dimaksudkan ialah Asya'irah dan Maturidiyah."

Imam al-Subki pula menyatakan di dalam Tabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra: "Dan Abu Hasan al-Asy'ari adalah imam mazhab ahli sunnah, Imam al-Mutakallimin, penegak sunnah Rasulullah s.a.w., pelindung agama Islam dan penggerak utama dalam memelihara akidah umat Islam (Al-Subki 1976).

Manakala as-Safarini (2008) pula menyebut dalam kitabnya Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah: "Ahli Sunnah Wa al-Jamaah ada tiga kumpulan; kumpulan pertama ialah al-Athariyyah yang imamnya ialah Ahmad bin Hanbal r.a.; kumpulan kedua ialah al-Asya'irah yang imamnya ialah Abu al-Hasan al-Asy'ari r.a.; dan kumpulan ketiga ialah al-Maturidiyah yang imamnya ialah Abu Mansur al-Maturidi.

Dalam kalangan ulama moden, Syeikh Hasan Ayyub (1986) dalam kitabnya *Tabsit al-Aqaid al-Islamiyah* menyebut: “Ahli Sunnah ialah Abu al-Hasan al-Asy’ari dan Abu Mansur al-Maturidi dan mereka yang mengikuti jalan mereka berdua yang mengikuti jalan para salaf al-soleh dalam memahami hal berkaitan akidah.

Sa’id Hawwa (1993) pula menyatakan dalam *Jaulat fi al-Fiqhayn al-Kabir wa al-Akbar*: “Sesungguhnya umat Islam sepanjang zaman mempunyai para imam dalam akidah, fiqh dan tasawuf. Maka imam mereka dalam akidah ialah Abu al-Hasan al-Asy’ari dan Abu Mansur al-Maturidi.”

Syeikh Wahbi Sulaiman Ghawiji (2008) pula menerusi kitabnya *Arkan al-Islam* menyebutkan: “Dan orang yang terawal menulis kitab berkenaan Usuluddin dan menolak syubhat golongan yang menyeleweng dalam akidah ialah Imam Abu Hanifah r.a. menerusi metode nas dan akal, dan diikuti (metode beliau) oleh para ulama selepasnya iaitu Abu al-Hasan al-Asy’ari dan Abu Mansur al-Maturidi.”

Jelas menunjukkan bahawa pentafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah menurut kebanyakan para ulama adalah merujuk kepada golongan Asya’irah dan Maturidiah. Namun begitu perlu diperhatikan bahawa pentafsiran ini tidak menolak aliran selainnya selagi mana ianya tidak terkeluar daripada lingkungan yang berpegang dengan al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. Ini termasuklah aliran metod ahl al-hadis yang diketuai oleh Imam Ahmad bin Hanbal yang juga dikenali dengan nama al-Athariyyah. Asya’irah dan Maturidiah disebutkan sebagai imam Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana mereka adalah individu yang bangkit mempertahankan pegangan Islam yang juga bermanhajkan al-Quran dan hadis ketika aliran tersebut ditekan oleh golongan ahli bid’ah terutamanya Muktazilah ketika itu.

Daripada kesemua pendapat tentang pengertian al-Jama’ah di atas, dapat disimpulkan bahawa;

1. al-Jama’ah itu merujuk kepada bersatu menurut seorang imam yang menunaikan tuntutan syarak. Maka wajib berpegang dengan al-Jama’ah yang seumpama ini dan haram keluar daripadanya.
2. al-Jama’ah itu ialah jalan yang ditempuhi oleh Ahl al-Sunnah dengan ittiba’ dan menjauhi ibtida’. Inilah juga golongan yang dikenali sebagai mazhab ahl al-haqq. Berdasarkan pengertian ini, ada yang mentafsirkan pengertian al-Jama’ah itu sebagai sahabat, ahl al-’ilm dalam pelbagai disiplin ilmu, ahl al-ijma’ atau al-sawad al-a’zam. Kesemua istilah

tersebut kembali kepada pengertian yang satu yaitu “sesiapa yang mengikuti jalan Rasulullah (s.a.w.) dan para sahabat”, sama ada mereka itu sedikit atau ramai sesuai dengan kedudukan umat yang berselerakan di pelbagai tempat dan zaman. Oleh yang demikian, ‘Abd Allah b. Mas‘ud pernah berkata maksudnya: Al-Jama‘ah itu ialah sesuatu yang menepati al-haqq walaupun kamu seorang diri (Abu Syamah 1401H) .

Dalam satu riwayat yang lain, ‘Abd Allah b. Mas‘ud juga berkata maksudnya: Al-Jama‘ah itu ialah sesuatu yang menepati ketaatan kepada Allah walaupun kamu seorang diri (Al-Lalika’i 2001).

### MANHAJ AHLI SUNNAH WA AL-JAMAAH

Ahli Sunnah Wa al-Jamaah mempunyai manhaj yang jelas di dalam akidah dan hukum. Mereka telah meletakkan kitab Allah, Sunnah dan Ijma' sebagai sumber utama di dalam akidah dan hukum hakam, sementara akal yang sejahtera dan fitrah yang murni sebagai sumber pelengkap kepada akidah. Kaedah ini sekali gus menolak perkara-perkara bid'ah yang sentiasa muncul pada sepanjang zaman. Berikut antara manhaj yang digunakan oleh Ahli Sunnah wa al-Jamaah (al-Qahtani 2001):

1. Menggunakan hujah dan dalil berasas sumber Naql yang sahih. Islam adalah sebuah agama yang berasaskan wahyu yang bersifat mutlak meletakkan al-Quran sebagai asas pertama. Penekanan kepada dalil wahyu ini jelas tergambar digunakan sebagai kaedah oleh ulama Asya'irah khususnya ketika membahaskan soal-soal ketuhanan, takdir, perbuatan hamba dan sebagainya. Sumber seterusnya selepas al-Quran adalah dalil-dalil yang berasaskan hadis mutawatir, hadis-hadis Ahad sama ada sahih ataupun hasan, ijmak dan menolak hadis palsu demi memelihara akidah yang benar.
2. Memadukan peranan akal dan naqal. Walaupun ulama Ahli Sunnah menjadikan wahyu sebagai teras utama, namun peranan akal tidak diketepikan, bahkan dipadukan dengan meletakkannya dengan meletakkannya sebagai pendokong kepada apa yang dibawakan oleh wahyu. Kepentingan hujah akal ini juga dapat dilihat berperanan dalam perbahasan epistemologi ilmu yang selalunya menjadi pengantar kepada kitab-kitab Asyairah dan Maturidiah. Keseimbangan ini adalah keistimewaan yang menjadikan aliran Asyairah dan Maturidiah sebagai golongan yang terselamat daripada terjerumus dalam kancah ekstremisme sama ada yang terlalu rigid terhadap nas dan yang terlalu bebas mentafsir dan mentakwilkan nas-nas syarak.

3. Mengamalkan syariat secara sempurna dan seimbang serta tidak mengangkat perkara yang bersifat furu' kepada usul. Kegagalan dalam mendepani perbezaan antara furu' dan usul ini yang menyebabkan golongan ekstrem ini mudah terjebak dalam isu kafir mengkafir dan bidaah menbidaahkan amalan umat Islam dalam perkara-perkara furu' dan usul.
4. Manhaj Ahli Sunnah wa al-Jamaah jelas mengamalkan konsep wasatiyyah dalam pegangannya. Sebagai contoh, dalam menetapkan sumber akidah, aliran Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengambil pendekatan yang sederhana di antara dua aliran yang ekstrem dalam pemilihan sumber akidah mereka. Dalam sejarah ilmu kalam berlaku pertembungan antara golongan yang membataskan penggunaan akal dalam memahami perkara akidah dan golongan yang hanya berpandukan kepada zahir ayat-ayat al-Quran dan Hadis semata-mata yang akhirnya menyebabkan munculnya golongan Muktaizilah dan Mujassimah.
5. Manhaj Ahli Sunnah wa al-Jamaah menetapkan bahawa iman itu adalah keyakinan di dalam hati, perakuan dengan lidah dan beramal dengan anggota badan. Ahli Sunnah wa al-Jamaah menetapkan bahawa amal perbuatan adalah syarat kepada kesempurnaan iman. Dengan erti kata lain, iman tidak sempurna tanpa amalan. Oleh yang demikian, perbuatan mereka yang melakukan maksiat tidaklah sampai ke tahap menafikan iman di dalam hati mereka, sebaliknya mereka dianggap sebagai fasik.

## **MAZHAB AHLI SUNNAH WA AL-JAMAAH: MASALAH DAN CABARAN**

Malaysia secara tradisinya telah pun berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wa al-Jamaah sejak zaman berzaman lagi. Hal ini menyebabkan pemakaian Ahli Sunnah Wa al-Jamaah sebagai mazhab utama dalam akidah telah berakar umbi dalam masyarakat Islam. Sebarang bentuk kemasukan aliran yang bertentangan dengannya dianggap sebagai anasir dan racun yang boleh mengelirukan masyarakat seterusnya menggugat keharmonian umat Islam di negara ini (Muhammad Uthman el-Muhammady 2011).

Menurut Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdul Shukor Husin (1998) pula, hakikat bahawa umat Islam di Malaysia yang begitu konsisten dan seragam dalam pemakaian manhaj Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dalam akidah secara tidak langsung menyumbang kepada kestabilan politik, masyarakat dan perpaduan ummah.

## **ALIRAN WAHABI**

Kewujudan pelbagai aliran lain yang mula timbul dalam kalangan umat Islam di Malaysia merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi. Umat Islam Malaysia berhadapan dengan golongan Wahabi yang bertitik tolak daripada pemikiran Kaum Muda yang berkeras bahawa akidah yang mesti dipegang oleh umat Islam adalah Tauhid Tiga; Rububiyah, Uluhiyyah dan Asma' wa Sifat. Golongan ini mahu supaya ayat-ayat mutasyabihat tidak dihuraikan (takwil) sepertimana yang dilakukan oleh golongan Asya'irah dan Maturidiah. Di samping itu mereka juga membangkitkan persoalan dalam perkara tawassul, ziarah kubur, sambutan maulid nabi dan sebagainya (Abdul Hadi Awang 2008).

Mereka juga menolak aliran Asya'irah yang telah diamalkan secara tradisi di samping menolak mazhab fiqh yang dipegang selama ini. Kewujudan aliran Wahabi yang berbeza pandangan dan amalan dengan mazhab yang diterima umum di negara ini telah menimbulkan keresahan dan perpecahan dalam masyarakat Islam di Malaysia. Kajian juga mendapati aliran ini sedang mengancam perpaduan dan solidariti umat umat Islam Malaysia masa kini (Zakaria Stapa 2014).

Pada hakikatnya isu Wahabi bukanlah satu isu baru yang kini perlu diterjemah, dikarang, dibahas mahupun dibangkitkan semula. Ini kerana isu ini telah lama bertapak di Semenanjung Tanah Melayu dengan kemunculan satu golongan yang dikenali sebagai Kaum Muda pada awal abad ke-20 yang lalu. Ia merupakan kesan daripada pembawaan beberapa orang pelajar Malaysia dan Indonesia yang berkesempatan menceduk ilmu agama di Mekah, Mesir dan India. Pada waktu itu negeri Mekah telah dipengaruhi oleh gerakan Wahhabi yang mendukung idea Ibnu Taimiyyah dan Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah, manakala di Mesir timbul gerakan Islah yang dipelopori oleh Muhammad Abduh dan Rasyid Ridha. Keadaan seperti ini juga berlaku di India dengan berkembangnya ajaran Waliyyullah al-Dahlawi (Mohd Aizam bin Mas'od 2013).

Di Malaysia gerakan dakwah Salafiyyah yang dibawa oleh Kaum Muda ini akhirnya lebih dikenali oleh masyarakat awam sebagai kumpulan Wahhabi. Kaum Muda tersebut amat sinonim dengan fahaman Wahhabi memandangkan cara pergerakan mereka yang agak agresif. Apatah lagi gelaran Wahhabi merupakan panggilan yang seringkali dicanang oleh musuh-musuh tradisi puak Wahhabi seumpama kumpulan-kumpulan tarekat dan golongan Asya'irah beraliran kesufian. Ini merupakan satu fakta yang tidak boleh dipesongkan oleh mana-mana pihak. Pertentangan sememangnya pernah berlaku antara

Kaum Muda dan Kaum Tua satu masa dahulu, namun setelah beberapa lama isu ini mendiamkan diri, ada pihak yang kembali memukul gendang menghingarkan suasana mengajak masyarakat berbicara semula berkisar isu yang kian menyepi ini (Mohd Aizam bin Mas'od 2013).

## KEADILAN MENILAI WAHHABIYYAH

Kesimpulannya kita hendaklah bersikap lebih adil dalam menilai pihak yang terlibat dalam isu ini, Wahhabiyyah di Malaysia hendaklah ditangani sebagai satu isu yang timbul hasil daripada sikap kefanatikan dan kejahilan sesetengah pendukung dan pengikutnya. Ia tidak wajar dihukumkan sehingga melibatkan mereka yang langsung tiada kena mengena dalam isu ini. Contohnya isu membabitkan Ibnu Taymiyyah dan Ibnu al-Qayyim serta pengharaman kitab-kitab mereka sehinggalah berlaku fenomena label-melabel tokoh-tokoh ulama besar termasuk menuduh Dr. Yusuf al-Qaradawi sebagai Wahhabi, bahkan mana-mana ulama yang beraliran kontra dengan Asyairah adalah termasuk ke dalam golongan Wahhabiyyah.

Tokoh besar ulama Asya'irah masakini, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buty ketika ditanya kepada beliau tentang perbuatan kumpulan al-Ahbasy yang mengharamkan solat di belakang Wahhabi serta kekafiran Ibnu Taimiyyah. Beliau menjawab bahawa solat di belakang Wahhabi tidak haram dan solat makmum adalah sah. Hukum mengkafirkan Ibnu Taimiyyah juga adalah ditegah, bahkan dalam satu jawapan yang lain Dr. Sa'id menyifatkan kumpulan al-Ahbasy sebagai puak yang mengkafirkan ramai ulama yang menyalahi pendapatnya termasuk beliau sendiri, Syekh Mutawalli Sya'rawi, Ibnu Taimiyyah dan Dr. Yusuf al-Qaradhawy ([www.bouti.com](http://www.bouti.com)).

Dr. Yusuf al-Qardhawy pula pernah ditanya tentang dakwaan bahawa gerakan Ikhwan Muslimun beriktikad dengan aliran Asya'irah. Beliau menjawab: "Tuduhan bahawa Ikhwan Muslimun termasuk ke dalam Asya'irah tidak langsung mengurangkan kedudukan mereka, ini kerana umat Islam sendiri majoriti mereka adalah Asya'irah Maturidiyyah. Mereka adalah Ahli Sunnah Wa al-Jamaah, imam mereka adalah Abu al-Hasan al-Asy'ari, Malikiyyah dan Syafi'iyyah beraliran Asya'irah manakala Hanafiyyah beraliran Maturidiyyah. Universiti-universiti agama di dunia Islam juga Asya'irah atau Maturidiyyah: al-Azhar di Mesir, al-Zaitunah di Tunisia, al-Qurawiyyin di Maghrib dan Dioband di India...maka sekiranya kita mengatakan bahawa Asya'irah bukan Ahli Sunnah sudah tentu kita akan menghukum umat Islam keseluruhannya dengan

kesesatan...manakala saudara kita Salafiyyun yang mencela Asya'irah secara mutlak, mereka melakukan kesilapan dan melampau, oleh itu Asya'irah (sememangnya) adalah daripada Ahli Sunnah...walaupun pada hakikatnya Ikhwan Muslimun bukanlah pada umumnya beraliran Asya'irah, dan tidak juga memerangi Asya'irah, mereka menyandarkan akidah mereka pertama daripada al-Qur'an dan kedua daripada Sunnah seterusnya melihat pandangan mana-mana pihak yang terbaik buat mereka..." (Islam Online).

Satu lagi contoh yang boleh kita bawa adalah fatwa Muhammad al-Soleh al-Uthaimin (1996) yang merupakan Ahli Majlis Fatwa Kerajaan Arab Saudi yang dianggap sebagai tonggak Wahhabiyah, ketika beliau ditanya tentang hukum mengkafirkan atau memfasiqkan ahli takwil di kalangan umat Islam. Beliau menjawab: "Hukum mengkafirkan atau memfasiqkan bukanlah tanggungjawab kita, bahkan ia merupakan hak Allah SWT dan Rasul-Nya, ia termasuk dalam hukum-hakam syara' yang perlu dirujuk kepada Kitab dan Sunnah, maka wajib kita tathabbut (teliti dengan mendalam) dengan sebenar-benarnya, maka tidak dikafirkan atau difasiqkan sesiapa melainkan orang yang ditunjukkan oleh Kitab dan Sunnah atas kefasiqannya atau kekafirannya, kerana asal seorang Muslim itu kekal Islamnya dan kekal kejujurannya ('Adalahnya) sehinggalah ada dalil syara' yang menunjukkan penafiannya".

Tiga contoh yang dinyatakan itu sudah cukup kepada kita untuk menunjukkan sifat adab dan amanah ilmiah yang masih dipegang oleh para ulama Ahli Sunnah walaupun boleh jadi mereka berbeza pandangan dengan sesama mereka, namun mereka sedar bahawa kesemuanya masih dalam lingkungan Islam dan Ahli Sunnah. Inilah apa yang cuba diperjuangkan oleh Imam Hasan al-Banna ketika beliau cuba menyatukan kembali umat Islam di zamannya di bawah gerakan Ikhwan Muslimun sehingga lahirnya Usul al-'Isyirin yang menetapkan beberapa asas penting untuk mengembalikan kesatuan umat Islam pada waktu itu. Antara apa yang ditekankan oleh beliau adalah hakikat perselisihan pendapat yang wujud adalah tidak mungkin dielakkan, namun ia tidak boleh dijadikan alasan punca umat Islam mesti berpecah, malah perselisihan itu berlaku kerana kecintaan kepada Allah (untuk mencari realiti keilmuan yang benar) dan kerjasama untuk sampai kepada kebenaran tanpa sebarang perbalahan yang tercela dan unsur-unsur ketaksuban (Hasan al-Banna 1984).

Seorang sufi terkenal al-Harith al-Muhasibi sebagaimana yang disalin oleh Jamaluddin al-Qasimi di bawah bab Nasihat li Thalib al-Ilmi' (nasihat kepada penuntut ilmu) menyebut: "Hendaklah kamu wahai murid, memilih jalan yang beradab terhadap para imam yang lalu, dan jangan kamu melihat kepada perkataan (komen negatif) mereka ke atas (imam) yang lain melainkan dengan dalil yang nyata. Kemudian sekiranya kamu mampu mentakwilnya dan bersangka baik dengannya, maka hendaklah berbuat demikian, sekiranya tidak maka tinggalkan apa yang berlaku di kalangan mereka, sesungguhnya kamu tidak dijadikan untuk ini (menghukum mereka), maka sibukkan diri dengan apa yang berfaedah kepada kamu dan tinggalkan apa yang tidak berfaedah kepada kamu" (Jamaluddin al-Qasimi 1407H).

### FAHAMAN LIBERAL DAN PLURALISME

Selain itu umat Islam Malaysia juga sedang berhadapan dengan aliran pemikiran barat yang melahirkan fahaman Islam Liberal dan pluralisme agama yang berindukkan kepada faham pascamodenisme. Fahaman ini merupakan fahaman yang menuntut hak kebebasan mutlak dan berselindung di bawah panji hak asasi manusia. Fahaman ini juga berpotensi untuk mengakibatkan keterbukaan yang melampau dalam perkara teologi mahupun ibadah kerana ianya menuntut pentafsiran semula ajaran-ajaran Islam atas nama keterbukaan dan kemodenan. Gejala ini semakin hari semakin berani menzahirkan fahaman mereka di tengah-tengah masyarakat menerusi penganjuran pelbagai program dan seminar yang menjurus ke arah fahaman tersebut (Zakaria Stapa 2014).

Hal ini ternyata menimbulkan keresahan dan kegelisahan umat Islam yang berpegang dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang terang-terangan bertentangan dengan fahaman tersebut sehinggakan akhirnya Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-74 yang bersidang pada 2006 terpaksa membincangkan perkara tersebut dan mengambil keputusan bahawa gerakan dan aliran pemikiran liberal mengandungi fahaman yang menyeleweng dari aspek akidah dan syariah ([www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my)).

### AJARAN SYIAH

Seterusnya umat Islam Malaysia dicabar lagi dengan penularan fahaman Syiah di dalam masyarakat yang menyebabkan perpecahan dan keclaruan. Fahaman Syiah yang nyata tersimpang daripada aliran Ahli Sunnah Wa al-Jamaah mula mendapat tempat di

dalam masyarakat dan semakin berani menzahirkan fahaman mereka. Ini dapat dilihat apabila mereka secara terang-terangan menubuhkan Majlis Syiah Malaysia, menghantar memorandum terbuka kepada Yang diPertuan Agong serta membuat perakuan bersumpah di mahkamah. Mereka tidak lagi mengamalkan konsep taqiyyah dalam menghadapi golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Buku-buku mengenai ajaran Syiah juga disebarkan secara terbuka dan meluas (Zakaria Stapa 2014).

Pada asasnya, fahaman Syiah adalah salah satu aliran mazhab dalam pemikiran Islam yang mempercayai bahawa Sayidina Ali lebih layak dilantik sebagai khalifah dan pewaris kepada Rasulullah S.A.W. Masyarakat Syiah turut mempercayai bahawa, mereka yang bukan dari jalur keturunan Rasulullah S.A.W adalah tidak berhak menjawat jawatan khalifah serta dianggap telah merampas hak tersebut dari Ahlu Bayt (keluarga Rasulullah) (Kamaluddin 2014:14). Sesetengah sarjana seperti Toensing (2007), Jones (2006), Sorli, et al. (2005) dan Skocpol (1982) menjelaskan, pertembungan antara fahaman Sunni dan Syiah mewujudkan suasana konflik yang tidak berkesudahan di rantau Timur Tengah. Walaupun terdapat sarjana seperti Mansoureh (2017) yang menyatakan konflik di Timur Tengah sebenarnya adalah lebih menjurus kepada hegemoni dan kuasa, namun tidak kurang ada yang beranggapan bahawa konflik Sunni-Syiah ini turut menyumbang kepada ketegangan berkenaan.

Di Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Ketua Setiausaha Kementerian menyebut, sehingga Ogos 2013, dianggarkan lebih kurang 250,000 orang penganut Syiah telah berada di Malaysia (Sinar Harian, 5 Ogos 2013). Nisbah ini menjadikan penganut Syiah berjumlah 8.3% daripada keseluruhan 30.3 juta populasi rakyat Malaysia yang beragama Islam dan majoriti berpegang dengan fahaman Sunni (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014).

Kemasukan fahaman Syiah secara besar-besaran ke Malaysia dipercayai selepas Revolusi Iran pada tahun 1979. Revolusi ini menyaksikan kejatuhan pimpinan sekular Shah Pahlavi dan tertubuhnya negara Republik Islam Iran. Islam yang dimaksudkan berkenaan adalah fahaman Syiah dan ia dijadikan sebagai fahaman rasmi negara Iran. Walaupun dunia memberikan revolusi berkenaan dengan nama Revolusi Islam, namun ia merupakan agenda Iran bagi meluaskan doktrin Syiah atas nama menyatukan negara Islam di bawah konsep Wilayatul Faqih iaitu meletakkan kepimpinan di bawah pengurusan agamawan (Mohd Nakhaie, 2013; Mohammed al-Sulami, 2018). Walaupun

Syiah menjadi kumpulan kedua terbesar dianuti oleh masyarakat Islam selepas fahaman Sunni, namun Kerajaan Malaysia memutuskan agar fahaman Syiah tidak disebar di Malaysia melalui fatwa yang telah diputuskan oleh Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 seperti berikut: "...bersetuju supaya keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)] mengenai aliran Syiah yang menetapkan seperti berikut :” Setelah berbincang dan menimbang kertas kerja ini Jawatankuasa telah mengambil keputusan bahawa hanya Mazhab Syiah dari golongan Al – Zaidiyah dan Jaafariah sahaja yang diterima untuk diamalkan di Malaysia” Dimansuhkan.”

### ISU MURTAD

Pada masa kini, perkara yang merosakkan akidah berlaku sama ada melalui kepercayaan kepada unsur lain yang boleh membawa kepada syirik atau berhenti beramal dengan ajaran Islam (murtad). Senario hari ini bukan kerana umat Islam mengalami kecelaruan akidah sahaja, malah ada yang ingin menukar langsung akidah dengan menjadi murtad daripada ajaran Islam. Bagi sesetengah daripada golongan ini, persoalan akidah adalah merupakan isu kebebasan beragama (Abd a-Muta'al al-Sa'di t.t.). Sedangkan dalam Islam, seorang yang telah menerima akidah Islam tertakluk kepada syariat dan undang-undang yang ditetapkan oleh agama. Mereka diwajibkan mematuhi ajaran dan perintah agama Islam serta boleh dipaksa dalam mematuhi akidah Islam.

Murtad berasal daripada perkataan riddah daripada akar kata radda yang bermaksud kembali dan dinamakan sebagai murtad kerana dia kembali kepada kekufuran (Abu al-Husayn 1991). Menurut Ibn Manzur (t.t.), murtad itu ialah kembali kepada kufur setelah menerima Islam.

Murtad dari sudut istilah pula ialah keluar daripada Islam kepada kekufuran (Wahbah al-Zuhayli 1989) atau kufur selepas Islam yang diikrarkan dengan lafaz dua kalimah syahadah serta patuh kepada hukum daripada kedua-duanya. (Abd al-Baqi al-Zarqani 1978). Al-Qalyubi (t.t.) pula menyatakan murtad sebagai memutuskan pegangan terhadap Islam dengan niat atau dengan perkataan atau dengan perbuatan sama ada berupa persendaan, penghinaan atau kepercayaan.

Al-Quran dan al-Hadith telah menegaskan dengan jelas berkenaan dengan hukum murtad ke atas seseorang Muslim. Allah (s.w.t) berfirman maksudnya: Dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya) (Quran, 2: 217).

Ayat di atas menjelaskan bahawa seseorang Muslim yang telah murtad dan meninggal dunia di dalam keadaan tersebut, segala amalannya yang baik yang dilakukan sepanjang hayatnya akan menjadi sia-sia. Akibat daripada perbuatannya itu, dia akan dikekalkan di dalam api neraka di akhirat kelak (Al-Baydawi 1988).

Dalil daripada hadith yang menyabitkan hukum murtad ialah sabda Rasulullah (s.a.w.) yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Abu Dawud dan Ahmad maksudnya: Ibn Abbas (r.a.) berkata: Rasulullah (s.a.w.) telah bersabda: Sesiapa yang telah menukarkan agamanya maka hendaklah kamu bunuhinya.

Hadith ini pula menerangkan bahawa orang yang telah menukarkan agamanya dengan kembali kepada kekufuran akan dikenakan hukuman bunuh kerana perbuatannya itu.

Nas-nas di atas mengisyaratkan bahawa jenayah murtad merupakan satu jenayah yang amat terkutuk di sisi Islam. Oleh kerana itu, Islam menetapkan hukuman bunuh kepada sesiapa sahaja yang murtad atau keluar daripada agama Islam. Di dunia, dia akan dikenakan hukuman yang paling keras iaitu hukuman bunuh dan di akhirat pula, dia akan dihumbankan ke dalam api neraka buat selama-lamanya.

Pada hari ini, persoalan yang berkait dengan akidah yang paling sensitif adalah berkenaan dengan gejala murtad. Menurut rekod Mahkamah Syariah antara tahun 2000 sehingga tahun 2010, sebanyak 863 kes telah dirujuk bagi tujuan menukar status agama Islam. Daripada bilangan ini, 168 kes telah diluluskan untuk murtad. Manakala menurut laporan portal bebas Malaysiakini, bahawa terdapat 686 permohonan tukar status agama telah dirujuk kepada pihak Mahkamah Syariah dan daripada itu, 135 kes telah diluluskan. Permohonan paling banyak yang berlaku adalah di Sabah di mana terdapat 238 permohonan dan 67 permohonan telah diluluskan. Manakala di Negeri Sembilan terdapat 172 permohonan dan 33 kes daripadanya telah diluluskan.

Menurut kajian Mohamed Azam Mohamed Adil antara tahun 2004 sehingga 2011, 42 sebanyak 137 permohonan murtad telah dibuat di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Daripada senarai ini, 75 orang pemohon adalah berasal daripada penganut Hindu, Buddha dan Kristian, manakala 62 orang pemohon adalah daripada penganut asal yang beragama Islam. Antara alasan keinginan murtad tersebut adalah kerana tidak lagi mengamalkan ajaran Islam, tidak berminat dengan agama Islam, telah dibaptiskan oleh Paderi, asuhan oleh keluarga yang beragama lain (Hindu) dan atas alasan berkahwin dengan pasangan yang beragama lain. Alasan ini menunjukkan pegangan akidah umat Islam pada akhir zaman ini semakin longgar dan sanggup berpaling dari ajaran Islam dengan jelas (Mohamad Zamri Mohamed Shapik 2013).

### ISU AJARAN SESAT

Isu ajaran sesat bukanlah satu perkara yang asing dalam kamus kehidupan umat Islam. Ini kerana ia datang seiring dengan kehidupan manusia. Namun, masih terdapat ramai kalangan umat Islam yang begitu mudah terjebak dengan fenomena ajaran sesat tersebut. Yang paling membimbangkan pihak JAKIM telah menyenaraikan sebanyak 125 kumpulan ajaran sesat yang bertapak di bumi Malaysia yang tercinta ini.

Dalam kes penyelewengan akidah yang disebabkan ajaran sesat, pihak berkuasa telah membuat 87 tangkapan berkaitan ajaran sesat antara 2007 sehingga tahun 2011. Pada tahun 2011, sebanyak lapan ajaran sesat aktif telah direkodkan berbanding tahun 2010 sebanyak sepuluh ajaran. Angka tersebut semakin menurun dari tahun sebelumnya dan ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan dengan baik.

Berdasarkan jumlah ini, sebanyak 19 tangkapan dibuat pada 2007, 11 tangkapan pada tahun 2008, 40 tangkapan pada tahun 2009, 14 tangkapan pada tahun 2010 dan tiga tangkapan pada tahun 2011. Tangkapan ini adalah berdasarkan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan mengikut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri. Kesalahan yang dilakukan ialah seperti pemujaan salah, doktrin palsu, mengembangkan doktrin agama, perbuatan atau perkataan murtad, subahat kepada percubaan murtad dan kesalahan dakwaan palsu.

Ajaran sesat juga disebut sebagai ajaran salah atau penyelewengan akidah. Pengertian ajaran sesat adalah sebarang ajaran ataupun amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan itu berdasarkan ajaran Islam.

Hakikatnya, ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah Islam, bertentangan dengan al-Quran dan sunnah, bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi et.al 2015).

### KUMPULAN EKSTREM

Selain itu, Malaysia juga pernah digemparkan dengan satu tindakan dari kumpulan Militan Islam yang cuba menggulingkan kerajaan. Kumpulan berkenaan adalah kumpulan Al-Maunah yang diketuai Mohd. Amin Mohd. Razali. Peristiwa ini menggemparkan negara setelah kumpulan itu merampas senjata milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Kem Batalion 304 Rejimen Askar Wataniah di Gerik, Perak. Kumpulan tersebut telah mengorbankan tiga anggota keselamatan yang menjadi tebusan ketika mereka dikepung di Bukit Jenalik, Sauk. Peristiwa serangan Al-Maunah ini menunjukkan bahawa isu-isu keagamaan mampu bertukar menjadi isu yang mengancam keselamatan negara (Zul'Azmi & Ahmad Sunawari, 2015).

Tidak keterlaluan jika dikatakan kemunculan golongan ekstrem ini memang telah diramalkan oleh Rasulullah sendiri. Rasulullah dengan bantuan wahyu Allah telah memaklumi sifat manusia yang pelbagai. Selain ada manusia yang mengambil sifat pertengahan sehingga melahirkan keseimbangan kehidupan, terdapat juga sesetengah manusia yang melampaui batas dengan menggunakan pendekatan Ghuluw dalam kehidupan beragama. Di sinilah letaknya kepentingan Rasulullah yang menetapkan garis panduan wasatiah untuk kegunaan umat Islam. Elemen golongan Ghuluw ini kemudiannya telah diperincikan oleh sarjana Islam. Dalam perkembangan terkini, andainya kita bandingkan butiran ghuluw yang kedapatan di zaman Rasulullah dengan gerakan jihad, ternyata persamaannya memang jelas kelihatan. Yang penting lagi, kesemua tindakan ekstrem ini bertentangan secara mutlak dengan ketiga Masalah Dharuri, Tahsini Dan Hajiyyi yang terkandung dalam konsep Maqasid Syariah.

Dalam sejarah Islam yang awal, kita dapat mengesan beberapa peristiwa elemen ghuluw ini. Antaranya; pertama, kisah Dzul Khuwaisirah mengherdik Rasulullah s.a.w. kerana tidak berpuashati dengan cara Rasulullah s.a.w. membahagikan harta rampasan perang Hunain. Beliau memberikan seratus ekor unta kepada Aqra' bin Habis dan Uyainah bin Harits. Beliau juga memberikan kepada beberapa orang dari tokoh Quraisy dan ketua suku Arab lebih banyak dari yang diberikan kepada yang lain. Melihat hal ini,

Dzul Khuwaisirah dengan marah berkata: “Demi Allah ini adalah pembagian yang tidak adil dan tidak mengharapkan wajah Allah”. Pada masa generasi terbaik dan di hadapan manusia terbaik pula, ada seorang yang berani menuduh Rasulullah s.a.w. tidak berlaku adil. Mendengar kata-kata ini Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: “Siapa yang akan berbuat adil jika Allah dan rasul-Nya tidak berbuat adil? Semoga Allah merahmati Musa. Dia disakiti lebih dari pada ini, namun dia bersabar” (Sahih Bukhari dan Muslim).

Rasulullah s.a.w. menerangkan bahawa akan muncul daripada keturunan orang ini kaum pelampau agama. Para ulama menyatakan generasi penerus Dzul Khuwaisirah ini, di zaman kemudiannya menjadi golongan Khawarij. Dalam hadis yang lain, Rasulullah s.a.w. menggambarkan ciri-ciri golongan ini: Sesungguhnya akan keluar dari keturunan orang ini satu kaum; yang membaca al-Quran, namun tidak melewati kerongkongannya. Mereka membunuh kaum muslimin dan membiarkan para penyembah berhala. Mereka akan keluar dari Islam ini sebagaimana keluarnya anak panah dari busurnya. Jika sekiranya aku menemui mereka, pasti aku bunuh mereka seperti terbunuhnya kaum ‘Ad” (Sahih Bukhari dan Muslim).

Kedua, kisah tiga Sahabat Rasulullah yang bertekad melakukan Ibadah secara melampau. Secara jelas, benih sikap ekstrem ini pernah diperlihatkan tiga orang sahabat Rasulullah ketika mereka bertanya kepada Aisyah tentang ibadah baginda. Dicatatkan bahawa Aisyah menjawab tentang watak Rasulullah s.a.w. yang kuat beribadah. Ketiga-tiga sahabat tadi menjawab dengan tiga cabaran utama yang ingin mengamalkan ibadah mengatasi amalan Rasulullah s.a.w.. Pertama: “Maka aku akan selalu salat malam dan tidak akan tidur”. Kedua: “Adapun aku, maka aku akan berpuasa sepanjang hari dan tidak akan berbuka.” Dan yang ketiga berkata: “Sedangkan aku tidak akan menikah selamalamanya”. Mendengarkan hal ini, Rasulullah s.a.w. melarang mereka melakukannya dan berkata, “Sedangkan aku, maka aku salat malam dan tidur, berpuasa dan berbuka, dan menikahi wanita. Barangsiapa yang membenci Sunnahku maka ia bukan dari golonganku” (Musnad Ahmad, Abd bin Humaid, Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Nasa’i, dan Ibnu Hibban).

Hadis ini menerangkan tentang elemen wasatiyyah dalam melakukan taklif syarak. Ia boleh dianggap sebagai langkah proaktif Rasulullah s.a.w agar umatnya tidak terjebak dengan tindakan ekstrem (ghuluw). Sebaliknya, Rasulullah s.a.w. menerangkan bahawa

sifat takwa itu bukanlah dengan bersikap ekstrem, berlebihan atau meremehkan, tetapi ia harus disertakan dengan sikap yang seimbang terhadap pelbagai tuntutan syariah.

Ketiga, kisah golongan Khawarij yang dicatat oleh Syahrastani. Dicatatkan, mereka telah melakukan kezaliman terhadap seorang sahabat Saidina Ali dengan cara membelah perut isterinya dan mengeluarkan janinnya. Setelah itu dalam keadaan pedang masih berlumuran darah, mereka memasuki kebun kurma milik seorang Yahudi. Pemilik kebun itu ketakutan lalu berkata: Ambillah seluruhnya apa yang kamu mahu". Ketua khawarij itu menjawab dengan katanya: "Kami tidak akan mengambilnya kecuali dengan membayar harganya. Apa yang boleh difahami adalah walaupun mereka mempunyai kesungguhan dalam beribadah; tetapi mereka menghalalkan darah umat Islam. Untuk itu mereka tidak segan-segan melakukan keganasan terhadap umat Islam sendiri. Sihabuddin Afroni dalam mengulas peristiwa catatan Syahrastani ini menambah bahawa kebanyakannya golongan Khawarij ini berusia muda dan belum mencapai kematangan sejati. Akibatnya, mereka hanya mengutamakan semangat dan emosinya, tanpa dilandasi oleh ilmu dan pertimbangan yang matang.

Fahaman khawarij dikesan tidak pernah pupus, sebaliknya berkembang secara tersembunyi di beberapa kawasan negara Teluk. Apa yang jelas saki baki ideologi khawarij kembali muncul apabila tercetusnya peluang seperti wujudnya anarki dalam masyarakat Arab selepas peristiwa Arab Spring. Jika dilakukan perbandingan sifat ekstrem dalam ketiga-tiga riwayat di atas dengan amalan ekstrem yang dilakukan oleh gerakan jihad, khususnya ISIS, ternyata ramalan yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w. memang benar. Hal ini boleh dilihat daripada tindakan ekstrem yang dilakukan oleh ISIS di Syria dan Iraq. Ia menjadi bahan utama yang didedahkan oleh media barat untuk membuktikan nisbah kezaliman yang tidak berperikemanusiaan dilakukan oleh penganut Islam. Ia secara langsung menyumbang kepada buruknya citra Islam di pandangan masyarakat antarabangsa.

## DIALOG ANTARA AGAMA

Dialog antara agama adalah sebahagian daripada disiplin ilmu yang dibahaskan dalam bidang kajian perbandingan agama. Perkataan 'dialog' dalam bahasa Melayu bermaksud percakapan, perbualan dalam lakonan, cerita atau apa sahaja bentuk pertuturan serta pertukaran pendapat, perbincangan, perundingan antara dua pihak atau lebih mengenai sesuatu isu secara terbuka Noresah et al. (2000) Dalam bahasa Inggeris,

dialogue berasal daripada perkataan Greek 'dialectic' yang bermaksud 'discourse' atau wacana (Reese 1996).

Merujuk kepada etimologi Greek, istilah dialog berasal dari dua gabungan perkataan, pertama 'dia' yang bermaksud 'through' yakni melalui, sementara perkataan kedua adalah 'logos' yang bermaksud 'perkataan' (Forward 2001). Dialog berlaku dalam pelbagai keadaan; secara spontan, perbualan yang berterus terang (frank conversation) dan perdebatan yang 'energetic'. Keadaan ini memberi ruang dan peluang untuk memahami bagaimana pandangan sejagat pihak lain dan memahami kepelbagaian yang sememangnya menjadi ragam kehidupan Miriam Therese Winter (2008).

Menurut Azizan (2008, 25-41), 'dialogue' yang berasal daripada akar kata 'dia' bermaksud melalui apa yang diperkatakan (logos), mengeluarkan sesuatu yang tersorok atau tersirat, iaitu asas/hakikat kepada apa yang sebenarnya wujud di waktu ini yang sebenarnya bersifat hakiki dan mutlak. Dengan lain perkataan, dialog adalah cara bagi kita mensuratkan yang tersirat. Idea dan hakikat sejarah, budaya dan alam sekitar, tidak akan mempunyai apa-apa realiti dan impak dengan sendiri kerana semuanya itu perlu diperlogoskan atau didialogkan (Azizan 2008, 31).

Dialog bukanlah hanya negosiasi atau pun polemik, di mana ahli polemik itu mungkin menganggap 'rakan dialog' sebagai pihak yang salah yang kewujudannya dianggap ancaman. Tugas atau tujuan ahli polemik bukanlah untuk mendengar kebenaran yang berkemungkinan pahit untuk diterima tetapi kemenangan wadah yang difikirkannya sedang diperjuangkan. Dalam bahasa Arab, dialog disebut 'al-hiwar', merujuk kepada etimologinya yang berasal daripada 'ha, wau, ra'. Ibn Mansur dalam kitabnya Lisan al-Arab mendefinisikan 'al-hiwar' iaitu dialog sebagai 'al-ruju' yang bermaksud 'kembali semula atau dirujuk semula' (Khadijah & Khairul Nizam 2005, 100).

Bahkan, secara umum al-Quran yang merupakan wahyu Allah yang terakhir pada asalnya adalah kalam nafsi yang sampai kepada manusia dalam bentuk kalam lafzi menerusi Nabi Muhammad s.a.w melalui perantaraan malaikat Jibril a.s. adalah sebahagian daripada dialog ketuhanan kepada umat manusia. Ungkapan-ungkapan al-Quran seperti dalam bentuk amr (perintah) melalui lafaz qul (katakanlah); atau dalam bentuk seruan "ya ayyuha ladhina amanu" (wahai orang-orang yang beriman), "ya ayyuhan nas" (wahai manusia), "ya ayyuhan nabiyy" (wahai Nabi) adalah sebahagian daripada bentuk-bentuk dialog (Ramli 2008, xiii).

Berdasarkan pengertian dialog dari segi bahasa, maka istilah sebenar dialog seperti yang dirumuskan oleh Khadijah & Khairul Nizam (2005, 101) seharusnya merangkumi perkara yang berkaitan dengan perbualan, perbincangan, persidangan antara dua pihak atau lebih yang pada kelazimannya berlaku dalam suasana formal dan terancang. Manakala dalam pelaksanaan dialog wujud perbezaan pendapat, pandangan dan idea terhadap perkara yang dibincangkan di antara pihak-pihak yang terlibat, namun etika dialog bersifat terbuka, terkawal serta wujud rasa hormat dan sementelah lagi tujuan dialog pada asasnya adalah untuk mendengar, mempelajari, mengetahui dan bertukartukar pandangan sama ada bermanfaat untuk semua yang terlibat atau pihak-pihak tertentu.

Berasaskan pengertian dialog di atas, adalah jelas bahawa secara umumnya dialog adalah satu elemen komunikasi dan medium interaksi yang melibatkan pertemuan dan perbincangan mengenai sesuatu isu yang menimbulkan perbezaan pendapat, kesangsian dan kesalahfahaman di antara pelbagai masyarakat yang tinggal bersama. Dialog tidak hanya terbatas pada perkara yang membincangkan konflik dan kemelut masyarakat tetapi dialog juga berperanan dalam memupuk kesamaan dan perkongsian hidup bersama. Bagi memahami wacana dialog dengan lebih terperinci, perbincangan selanjutnya menjelaskan sejarah dialog antara agama yang memaparkan kebimbangan sarjana Muslim terhadap perkembangan awal dialog kerana diasosiasikan dengan kegiatan misionari Kristian (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi et.al 2014).

Dialog dalam hubungan antara agama adalah berasaskan konsep 'li ta'arafu' (saling kenal mengenali), iaitu model hubungan antara agama yang dinyatakan oleh al-Quran dalam surah al-Hujurat (49: 13). Prinsip saling kenal mengenali ini menjadi ikatan persaudaraan antara sesama Muslim. Manakala 'li ta'arafu' antara Muslim dengan non-Muslim merujuk kepada al-Sulh yang bertujuan membina dan memupuk situasi damai dan harmonis sesama mereka (Andek Masnah 1998). Prinsip saling kenal mengenali ini turut menjadi salah satu elemen penting dalam model hubungan Muslim-Kristian yang diperkenalkan oleh Jane I Smith melalui konsep 'getting-to-know-you' (Guillaume 2007, 12).

Sehubungan dengan itu, perbincangan dialog dalam hubungan antara agama ini dibahasakan dalam konteks kesejajaran dialog menurut perspektif Islam untuk memastikan bahawa setiap individu pendialog akan lebih 'mengenali Yang Esa'.

Ilmuwan dan tokoh kesarjanaan Islam seperti Sayyid Muhammad Thantawi (2004), Abdullah Alwi Hj. Hasan (2005) dan Osman Bakar (2006, 1-39) mengemukakan perbahasan dialog dari segi terminologi, metode dialog, etika dan adab berdialog serta isu-isu semasa dialog menurut perspektif al-Quran. Pengistilahan dialog dalam al-Quran menurut Sayyid Muhammad Thantawi diungkapkan melalui dua terminologi iaitu al-jidal (perdebatan) dan al-hiwar (dialog) seperti yang disebut dalam surah (al-Nahl 16: 125; al-Ankabut 29: 46; al-Kahf 18: 34 dan 37; al-Mujadalah 58: 1).

### **PEMERKASAAN MANHAJ AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH**

Dalam menanggapi perbezaan dan isu yang timbul terutamanya yang berkaitan kepelbagaian mazhab, umat Islam di Malaysia secara umumnya dianjurkan untuk mengamalkan wasatiyyah dalam kehidupan mereka. Konsep wasatiyyah dianggap sebagai jalan terbaik dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam kehidupan umat Islam di Malaysia terutama dalam perkara berkaitan pegangan akidah. Wasatiyyah membawa maksud mencapai sifat-sifat mahmudah yang terbit daripada kedudukan syariat Allah dalam kesederhanaan, kebaikan, keinsafan dan ketinggian yang menjadikannya sebagai penghulu segala umat, ketua segala bangsa dan menjadi saksi ke atas mereka pada hari akhirat. Manakala wasatiyyah dalam akidah pula merujuk kepada manifestasi kesederhanaan dalam keadilan, istiqamah, kebaikan, keamanan, kekuatan dan kesatuan dalam prinsip-prinsip keimanan (Zulkifli bin Mohamad, Mohd Aizam Mas'od 2014).

Aliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah jelas mengamalkan konsep wasatiyyah dalam pegangannya. Contohnya dalam menjelaskan perihal iman di mana terdapat golongan yang mendakwa iman itu bertempat di hati dan lidah semata-mata dan ada pula golongan yang mendakwa iman itu hanya terletak pada tingkah laku seseorang, Ahli Sunnah Wal Jama'ah muncul sebagai pembawa konsep wasatiyyah selari dengan apa yang dianjurkan oleh Islam. Pendapat kedua golongan yang disebutkan tadi nyata tertolak namun ianya tidak tertolak secara keseluruhan malah diseimbangkan. Bagi Ahli Sunnah Wal Jama'ah iman itu adalah pengakuan lisan, kepercayaan dalam hati dan dizahirkan dengan pelaksanaan amal perbuatan (al-Bajuri 2010).

Amal perbuatan juga termasuk dalam hakikat iman bahkan tiada iman yang sempurna tanpa amalan. Iman adalah lisan disertakan dengan amal yang sifatnya bertambah dan berkurangan. (Al-Asy'ari 2009) Fahaman ini jelas menepati nas-nas yang

terdapat dalam al-Quran dan hadis. Dalam menetapkan sumber akidah pula, aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah mengambil pendekatan yang sederhana di antara dua aliran yang ekstrem dalam pemilihan sumber akidah mereka.

Dalam sejarah teologi Islam berlaku pertembungan antara golongan yang membataskan akal dalam memahami perkara akidah dan hanya berpandukan kepada zahir ayat al-Quran dan hadis semata-mata dengan golongan yang melebihi kapasiti akal dalam memahami perkara akidah melebihi nas al-Quran dan hadis. Hasilnya muncullah golongan yang berfahaman mujassimah dan golongan Mu'tazilah. Imam Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu al-Asy'ari mengambil pendekatan yang terbaik dalam menangani permasalahan ini. Beliau menerima pendekatan muta'addimin dan pendekatan akal dalam memahami nas agama tetapi tidak sampai kepada tahap kewibawaan akal seperti yang diamalkan oleh Muktazilah. Beliau menyeimbangkan antara dua aliran iaitu menggunakan akal dalam memahami perkara akidah namun tetap dalam garis panduan nas al-Quran dan hadis (Zulkifli bin Mohamad, Mohd Aizam Mas'od 2014).

## **WASATIYYAH DALAM MENGHADAPI PERBEZAAN**

Dalam konteks yang lebih luas, konsep wasatiyyah dalam menghadapi perbezaan aliran adalah sangat penting dalam menjaga keharmonian umat. Pandangan al-Syahid Imam Hasan al-Banna dalam menghuraikan berkenaan sifat Allah S.W.T adalah pandangan yang bersifat wasatiyyah dan seharusnya menjadi panduan sekalian umat Islam khususnya di Malaysia. Dalam ulasannya ketika membincangkan konflik salaf-khalaf, beliau berpendapat bahawa metod yang digunapakai oleh golongan salaf yang merujuk kepada aliran Imam Ahmad bin Hanbal iaitu menyerahkan maksud sifat Allah kepadaNya adalah jalan yang lebih selamat (aslam). Namun begitu kaedah takwil yang diamalkan oleh khalaf; iaitu Asya'irah dan Maturidiyah sudah tentu tidak membawa kepada kefasiqan dan tidak bercanggah. Ini kerana ulama khalaf mengikut kaedah takwil bersandarkan kaedah-kaedah syar'ie yang tidak bercanggah dengan mana-mana usul dalam usuluddin seperti meraikan makna daipada sudut bahasa Arab yang makruf.

Demikian juga golongan salaf seperti Imam Ahmad sendiri turut mengambil kaedah takwil pada hal tertentu. (Zulkifli bin Mohamad, Mohd Aizam Mas'od 2014) Ini kerana kedua-dua aliran walaupun berlainan metodologi masih lagi dalam ruang lingkup Ahli Sunnah. Ianya memerlukan kepada usaha persefahaman dan mengelak pertelingkahan

kerana dasar akidah kedua golongan ini tidak bercanggah dengan akidah yang benar (Abdul Hadi Awang 2008).

Isu Salafi-Wahabi yang melanda umat Islam di Malaysia menjadi satu polemik berpanjangan yang seakan tiada penghujungnya. Malahan ianya bertambah buruk dengan kafir mengkafir sesama dua aliran. Walaupun Salafi dan Khalafi itu dianggap dalam ruang lingkup Ahli Sunnah Wal Jamaah sepertimana yang diterangkan di atas; yang masih dipegangi oleh majoriti umat Islam kini tetapi kebelakangan ini masyarakat Islam seolah-olah cuba untuk memperbesarkan jurang perbezaan dan masing-masing menyalahkan antara satu sama lain dalam pengamalan ibadat seharian yang mana perkara tersebut tidak seharusnya berlaku.

Sebagai umat Islam yang menjunjung perintah Allah SWT dan RasulNya kita perlu melihat dalam sudut positif dan cuba menjernihkan kembali kekusutan yang ditimbulkan oleh mereka yang cuba memporak-perandakan agama Islam yang mulia ini. Penjernihan dan pemulihan kekusutan tidak akan selesai kecuali dengan kita kembali ke sumber yang asal iaitu al-Quran dan As-sunnah yang diamanahkan oleh Rasulullah S.A.W untuk dipegangi selama-selamanya.<sup>49</sup> Seharusnya setiap umat Islam mengambil pendekatan yang terbaik dalam menghadapi isu ini. Al-Qaradhawi dalam membahaskan isu ini memberi satu teguran yang tegas kepada umat Islam (Hussin Salamo et. al t.t.).

“Aku ingin tegaskan di sini bahawa khilaf antara dua manhaj (salaf dan khalaf) tidak mewajibkan takfir antara satu sama lain, dengan makna menghukumnya sebagai kafir dengan kekufuran yang boleh mengeluarkannya dari Islam. Maka ini sesuatu yang tidak diterima oleh jiwa seorang muslim dan tidak boleh diterima oleh akal seorang alim. Bagaimana umat Islam datang dengan mengkafirkan antara satu sama lain sedangkan mereka semua beriman kepada Tuhan Yang Maha Esa, rasul yang satu, kitab yang satu, manhaj yang satu dan solat menghadap kiblat yang satu. aku melihat khilaf dalam isu ini tidak menyebabkan ta’thim, tafsiq dan tabdi”, sedangkan paling jauh pun ianya adalah khilaf antara yang benar (dua pahala) dan yang salah (satu pahala) atau antara yang benar dengan yang lebih benar. Bagaimana seorang alim yang hebat berani untuk menuduh fasiq, berdosa atau bid’ah kepad tokoh-tokoh ulama ummah yang telah menjunjung syariat Islam, mempertahankan akidahnya, ditentang musuh dakwahnya, menghabiskan umurnya sebagai pendakwah dan pengislah, ulama yang beramal seperti al-Baqillani, al-Isfarayini, al-Maturidi, al-Ghazali, al-Razi, Ibn Abd al-Salam, Ibn Daqiq al-‘Id, al-Rafi’I, al-Nawawi, Ibn al-Humam, al-Zarkasyi, al-‘Iraqi, Ibn Hajar, al-Sayuti dan lain-lain.. dan ini adalah pendekatan Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah dan muridnya al-Imam Ibn Qayyim iaitu tidak menuduh berdosa kepada yang tersilap dalam takwilannya pada permasalahan usuliyyah mahupun ilmiyyah, yang dimaksud dengannya permasalahan yang berkaitan akidah dan usuluddin.”

Namun begitu dalam menghadapi aliran yang secara jelas menyimpang daripada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, jelas pendekatan tasamuh tidak boleh dilaksanakan secara sewenangnyanya. Ini kerana dikhuatiri identiti Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dipegang oleh umat Islam khususnya di Malaysia akan terhakis sedikit demi sedikit atas dasar keterbukaan yang diamalkan. Oleh itu pendekatan yang lebih berani dan tegas perlu diambil bagi mengelakkan fahaman ini menular dalam masyarakat seterusnya merosakkan akidah generasi seterusnya dan mendatangkan huru hara dan ketidakstabilan pada negara (Salim 'Ulwan al-Husaini 2013).

Walau bagaimanapun umat Islam harus tidak melupakan pendekatan kasih sayang terhadap mereka yang menganuti fahaman selain daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam menghadapi fahaman Syiah misalnya, umat Islam haruslah bersependapat dalam mengasihi ahl al-bayt Rasulullah S.A.W tanpa ghuluw (berlebihan), berinteraksi dengan mereka dengan kelembutan dan pengormatan, mengambil pendekatan yang aman, menggalakkan mereka untuk merenung dengan pandangan ilmu yang sahih seterusnya membebaskan diri mereka daripada belenggu kesesatan (Ali Muhammad al-Solabi 2009).

Pendekatan kasih sayang ini pernah diamalkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal ketika diperkenalkan kepada beliau seorang pemuda yang bernama Musa bin Hizam iaitu guru kepada Imam al-Bukhari dan Muslim. Musa bin Hizam dikatakan merupakan seorang yang berfahaman Murji'ah pada asalnya. Namun beliau mendapat hidayah melalui Imam Ahmad yang begitu tekun mendampinginya, berbincang secara lemah lembut, tenang, hikmah dan nasihat yang baik dan akhirnya meninggalkan bid'ah fahaman Murji'ah. (Muhammad Ahmad al-Rashid 2014) Namun pendekatan ini perlu dilihat berdasarkan kesesuaian masa, tempat dan individu/golongan yang terlibat (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi et.al 2014).

## KESIMPULAN

Umat Islam di Malaysia sejak turun temurun mengamalkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah atau lebih khususnya aliran Asya'irah. Ini jelas boleh dilihat dalam pengamalan, pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih cenderung kepada aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Keadaan umat Islam Malaysia yang telah selesai beramal secara tradisi menyebabkan berlaku keresahan dan perpecahan bila mana timbul aliran lain yang jelas bertentangan mahupun yang dianggap bertentangan. Situasi ini berpotensi untuk

merosakkan keharmonian umat dalam berakidah seterusnya menggugat masalah yang lebih utama iaitu perpaduan antara umat Islam. Oleh itu pendekatan yang sewajarnya antaranya pengamalan konsep wasatiyyah perlu diperkasakan dan diamalkan untuk menangani masalah ini.

### Penghargaan

Kajian ini ditaja sepenuhnya oleh Universiti Sultan Zainal Abidin di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2021/SSI0/UNISZA/01/1) di bawah tajuk Pembangunan Indikator Pemantapan Akidah Umat Islam di Malaysia Menurut Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah

### REFERENSI

- ‘Abd al-Baqi al-Zarqani (1978), Syarh al-Zarqani , j. 8. Beirut: Dar al-Fikr.
- ‘Abd al-Qadir ‘Awdah (1977), al-Tasyri‘ al-Jina’i al-Islami , j. 2, Kaherah: Dar al-Turath.
- ‘Abd al-Qadir b. Musa b. ‘Abd Allah al-Jaylani (1996), al-Ghunya li Talibi Tariq al-Haqq. Halab: Maktabah Usamah b. Zayd.
- ‘Abd al-Qahir al-Baghdadi (2001), al-Farq Bayn al-Firaq. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- ‘Ali b. ‘Ali b. Muhammad b. ‘Abi al-‘Izz al-Dimasyqi (1987) , Syarh al-‘Aqidah al-Tahawiyah. j. 1. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- ‘Ali Sami al-Nasyar, Dr. (1954), Nasy‘ah al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam, j. 1. Mesir: Dar al-Ma‘arif.
- ‘Ali Ibn Hazm (1395H), al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwa’ wa al-Nihal, j. 2. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- ‘Imad al-Din Abu al-Fida’ Isma‘il b. ‘Amru b. Kathir al-Basari al-Dimasyqi (1988), Tafsir al-Qur‘an al-‘Azim, j. 2. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Abd al-Qadir b. Musa b. ‘Abd Allah al-Jaylani (1996), al-Ghunya li Talibi Tariq al-Haqq. Halab: Maktabah Usamah b. Zayd.
- Abd al-Qahir al-Baghdadi (2001), al-Farq Bayn al-Firaq. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Abdul Hadi Awang (2008), Fahaman & Ideologi Umat Islam, Selangor: PTS Islamika
- Abdul Shukor Hussein, Prof. Dr. (1998), Ahli Sunnah wal Jamaah: Pemahaman Semula. Bangi: Penerbitan UKM.
- al-Asy‘ari, Abu al-Hasan ‘Ali b. Isma‘il (1409H), al-Ibanah ‘an Usul al-Diyanah. al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyyah: al-Jami‘ah al-Islamiyyah bi al-Madinah al-Munawwarah.
- Al-Asy‘ari, Abu al-Hasan ‘Ali b. Isma‘il (2009), Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musollin, Kaherah: Dar al-Hadis

- Abu al-Muzaffar al-Asfirayni (1359H), al-Tabsir fi al-Din. Kaherah: Matba'ah al-Anwar.
- Abu al-Qasim Hibah Allah ibn al-Hasan b. Mansur al-Tabari al-Lalika'i (2001), Syarh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. j. 1. al-Iskandariyyah: Dar al-Basirah.
- Abu al-Wafa al-Ghunaimi al-Taftazani (1966), Ilm al-Kalam Wa Ba'dh Musykilatih, Maktabah al-Qahirah al-Hadithah.
- Abu Bakr b. al-Tayyib al-Baqillani (1963), al-Insaf Fima Yajibu I'tiqaduhu wala Yajuzu al-Jahl Bihi. Muhammad Zahid al-Kawthari (tah.). t.t.p.: Muassasah al-Khanji.
- Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, Kitab al- Hudud, Bab al-Hukm fi Man Irtadda, j. 4, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al-Ghazali (1985), Qawa'id al-'Aqa'id. Marsi Muhammad 'Ali (tah.) Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Abu Isma'il al-Sabuni (1404H), 'Aqidah al-Salaf Ashab al-Hadith. Badr al-Badr (tah.). Kuwait: al-Dar al-Salafiyyah.
- Abu Muhammad al-Husayn b. Mas'ud al-Farra' al-Baghawi al-Syafi'i (1987), Tafsir al-Baghawi al-Musamma Ma'alim al-Tanzil, j. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Abu Sa'id 'Abd Allah ibn 'Umar b. Muhammad al-Syirazi al-Baydawi (1988), Tafsir al-Baydawi al-Musamma Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil. j. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Syamah (1401 H), al-Ba'ith 'Ala Inkar al-Bida' wa al-Hawadith. Makkah: Matba'ah al-Nahdah al-Hadithah.
- Abu Ubayd al-Qasim b. Salam (t.t.), al-Iman. Muhammad Nasir al-Din al-Albani (tah.) bersama kitab min Kunuz al-Sunnah Rasa'il Arba'. Dimasyq: Matba'ah al-'Umumiyyah.
- Abu Zahrah (t.t), Tarikh Mazahib al-Islamiyyah, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ahmad Amin (1980), Zuhr al-Islam, j. 4. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Ahmad b. 'Ali b. Muhammad b. Muhammad al-'Asqalani al-Ma'ruf bi Ibn Hajar ( t.t.), Fath al-Bari , j. 13, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad b. Hanbal (t.t.), al-Iman, bersama kitab al-Radd 'ala al-Jahmiyyah. Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halbi.
- Ahmad Hidayat Buang, Prof. Madya Dr. (2003), "Kebebasan Memberi Pandangan dalam Isu-isu Agama Islam: Kajian terhadap Fatwa-fatwa Jabatan Mufti Negeri-negeri di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan I di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 11 Januari 2003).
- Ahmad Ibrahim, Prof. Tan Sri (1997). Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia ( IKIM ).
- al- Nasa'i, Sunan al-Nasa'i, Kitab Tahrim al-Damm, Bab al-Hukm fi al-Murtadd, j . 7, no. Hadith: 4059, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Baghdadi (t.t), al-Farq Baina al-Firaq, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah
- Al-Baijuri (2010), Tuhfatul Murid Ala Jauharah al-Tauhid, Kaherah: Dar al-Salam

- Al-Hakim, Abu ‘Abd Allah Muhammad b. ‘Abd Allah al-Naysaburi ( t.t.), al-Mustadrak ‘Ala al-Sahihayn. j. 1. Halab: Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah.
- al-Nasyar, Dr. Ali Sami, (1954), Nasy’ah al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam, j. 1. Mesir: Dar al-Ma‘arif, h. 261.
- Ali b. ‘Ali b. Muhammad b. ‘Abi al-‘Izz al-Dimasyqi (1987) , Syarh al-‘Aqidah al-Tahawiiyyah. j. 1. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ali Ibn Hazm (1395H), al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwa’ wa al-Nihal, j. 2. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Ali Muhammad as-Solabi (2009), Fikr al-Khawarij Wa al-Syi‘ah fi Mizan Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah, Beirut: Maktabah al-Asriyah.
- Al-Kurdi, Rajih (1990). Al-Ittijah al-Salafiy bayn al-Asalah wa al-Mu’asarah. Jordan: Dar Ammar.
- Al-Lalika ‘I (t.t), Syarh Usul al-I’tiqad Ahl as-Sunnah Wa al-Jamaah, Dar at-Taibah, jil. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Misri, Muhammad ‘Abd al-Hadi (1413H), Ma‘alim al-Intilaqah al-Kubra ‘inda Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, Riyad: Dar al-Watan.
- Al-Qahtani, Said bin Masfar bin Mafrah (2001). Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah ‘ala Dhaw’ al-Kitab wa al-Sunnah. Makkah al-Mukarramah: Dar Tayyibah al-Khadhra’.
- Al-Saffarini, Muhammad bin Ahmad (2008). Lawami’ al-Anwar wa Sawati’ al-Asrar al-Athariyyah. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Subki, Taj al-Din Abi Nasr Abd al-Wahhab bin Ali bin Abd al-Kafi (1976). Tabaqat al-Shafi’iyyah al-Kubra. Kaherah: Isa al-Babi al-Halabi.
- Al-Syaikh ‘Abd al-‘Aziz b. Baz (1984), Tanbihat Hammah ‘ala Ma Katabahu Muhammad b. ‘Ali al-Sabuni . Kuwait: al-Dar al-Salafiyyah.
- Al-Syaikh Muhammad al-Mirsafa (t.t.), Hasyiah al-Bijayrimi ‘Ala Syarh Minhaj al-Tullab, j. 4 . Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah Muhammad Izdamir.
- Al-Syaikh Syihab al-Din al-Qalyubi wa al-Syaikh cUmayrah (t.t ), Qalyubi wa cUmayrah, j. 4 . Mesir: Dar Ihya’ al-Kutub al-cArabiyyah.
- Al-Syatibi, Abu Ishak Ibrahim b. Musa b. Muhammad (1988), al-I’tisam. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhi (t.t.), Sunan al-Tirmidhi, j. 4. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Zabidi, Muhammad bin Muhammad al-Husayni (1994), Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bi Sharh Ihya’ Ulum al-Din. Kaherah: Matba’ah al-Maymaniyyah
- Ezad Azraai Jamsari, Mohamad al-Adib Samsuri et. al, “Penetapan Mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Sebagai Deinisi Islam di Malaysia: Hak Penyebaran Agama bagi Kumpulan Agama Minoriti”, Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat, Bil. 15 (2011)
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Nor Aini Abu Bakar, Roose Nilawati Subki (2014). Islamic Faith in Malaysia: Current Issues and Challenges. Mediterranean Journal of Social Sciences, 5(20), 1954.

- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Nor Aini Abu Bakar, Roose Nilawati Subki (2015). Heresy in Malaysia: An Analysis. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(2 S1), 463.
- Fail Panel Kajian Akidah JAKIM kali ke-14 Tahun 2000
- Federal Constitution (2002). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Fred R. Von der Mehden, ed. John L Esposito (1987), "Malaysia: Islam and Multiethnic Politics," *Islam in Asia Religion, Politics and Society*, Oxford Press
- Hamad al-Sinan, Fauzi al-Anjari (2010), *Ahlu al-Sunnah al-„Asya“irah Syahadah Ulama“ al-Ummah wa Adillatuhum*, Kuwait: Dar al-Dhiya“
- Hasan al-Banna (1984), *Majmu‘ al-Rasa’il*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Hasan Ayyub (1986). *Tabsit al-Aqa'id al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Turath al-Arabiyy.
- Hassan Sadiq (2004), *Judhur al-Fitnah fi al-Firqah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Madbuli.
- Husayn ‘Ali Hamd (1998), *Qamus al-Madhahib wa al-Adyan*. Beirut: Dar al-Jayl.
- Hussin Salamon, Mohd Ismail Mustari, Ahmad Kilani Mohamed et. al, "Kajian Kesan Perbezaan Aliran Mazhab Ke Atas Kesatuan Masyarakat Islam, Kajian Kes: Pelajar dan Staf UTM", Pusan Pengurusan Penyelidikan UTM (<http://eprints.utm.my/7866/1/71867.pdf>)
- Ibn al-Jawzi, Jamal al-Din Abi al-Farj ‘Abd al-Rahman b. ‘Ali al-Baghdadi (t.t.), *Talbis Iblis*, t.t.p.: t.p..
- Ibn al-Murtada Ahmad b. Yahya (1316H), *al-Munyah wa al-Amal*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani (t.t.), *Fath al-Bari*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Jarir al-Tabari (1402H), *Tahdhib al-Athar*. Nasir Sa’d al-Rasyid dan ‘Abd al-Qayyum ‘Abd Rabb al-Nabi (tah), j. 2. Makkah: Matabi‘ al-Safa.
- Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, *Kitab al- Hudud*, Bab al-Murtadd ‘an Diniah, j. 2, no. Hadith: 2535, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah (t.t.) , *Majmu‘ Fatawa Syaykh al-Islam Ahmad Ibn Taymiyyah*. j. 3, Rabat, Maghrib: al-Maktab al-Ta‘limi al-Sa‘udi .
- Ibn Taymiyyah, Abu al-‘Abbas Taqiyy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim (1986), *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Muhammad Rasyad Salim (tah.), j. 2 . t.t.p.: Muassasah Qurtubah.
- Ibrahim Abu Bakar (1994), *Islamic Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayyid Syaykh al-Hadi 1867 – 1934*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Irfan Abdul Hamid (1387H), *Dirasat fi al-Firqah wa al-‘ Aqa' id al-Islamiyyah*, Matba'ah al-Irsyad, Baghdad.
- Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,.
- Jamal Saqr al-Husaini, "Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah: Hum al-Firqah al-Najiyah", Seminar Pemurnian Akidah 2013, Kompleks Pusat Islam Kuala Lumpur, (2013)

- Jamaluddin al-Qasimi (1407H), *al-Jarh Wa al-Ta' dil*, Dar al-Hadith, Mesir.
- Majd al-Din al-Mubarak b. Muhammad Ibn al-Athir (1979), *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mas'ud al-Nadawi (1984), Muhammad bin Abdul Wahab, *Muslih Mazlum Wa Muftara 'Alaihi*, Jami'ah al-Imam Muhammad ibn Su'ud al-Islamiyyah.
- Mikdar Rushdi, Rafiuddin Afkari, Shakilla Ahmad (t.t.), "Usaha Memartabatkan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Sebagai Pemangkin Kelangsungan Masyarakat Madani Malaysia", *Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan, UTHM* ([http://eprints.uthm.edu.my/4761/1/usaha\\_memartabatkan\\_akidah...Islam\\_Madani\\_Di\\_Malaysia.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/4761/1/usaha_memartabatkan_akidah...Islam_Madani_Di_Malaysia.pdf))
- Mohamad Zamri Mohamed Shapik (2013), "Jenayah Riddah di Malaysia: Cadangan Penyelesaian berasaskan Maqasid al-Syariah," dalam *Undang-undang Syariah di Malaysia* (Selangor: Persatuan Ulama Malaysia).
- Mohamed Azam Mohamed Adil (2009), "Isu Murtad: Mengikut Tafsiran Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Sedia Ada" (kertas kerja, Muzakarah Pakar Isu Murtad, anjuran Pejabat Mufti Negeri Selangor, 2 Julai 2009).
- Mohd Aizam bin Mas'od (2014), "Pendirian JAKIM Mengenai Beberapa Isu Akidah Semasa" Seminar Pemurnian Akidah Islam; Harmonisasi Dalam Mazhab Akidah, Universiti Malaya
- Mohd Fauzi Hamat, Wan Adli Wan Ramli (2007), "Pendekatan Epistemologi Dalam Menangani Pluralisme Agama", *Konsep Asas Islam Dan Hubungan Antara Agama, Siri Akidah Dan Pemikiran Islam ke-5*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya
- Mohd Radzi Othman dan Rahmat Baharuddin (1991), *Gerakan Pembaharuan Islam di Negeri Perlis Dan Kaitannya Dengan Gerakan Pembaharuan Islam Di Negeri-negeri Lain Di Dalam Malaysia*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mohd. Radzi Othman & O. K. Rahmat (1996), *Gerakan Pembaharuan Islam : Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubung Kaitnya dengan Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Ahmad ar-Rasyid (2014), *al-Muntalaq*, terj. Kamarul Salam Yusof, Selangor: Pustaka Buku Putih
- Muhammad Abu Zahrah (1989), *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Muhammad al-Salih al-Uthaimin (1996), *al-Qawa'id al-Muthla fi Sifat al- Allah Wa Asma' ihi al-Husna*, Adhwa' al-Salaf, Riyadh.
- Muhammad b. 'Ali b. Sallum (1983), *Mukhtasar Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah wa Sawati' al-Asrar al-Athariyyah*. Muhammad Zahri al-Najjar (tah.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad b. Ibrahim al-Hamd (1998), *'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Riyad: Dar Ibn Khuzaymah.

- Muhammad b. Khalifah al-Tamimi. (1414 H), Mu'taqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah fi Tawhid al-Asma' wa al-Sifat. Kaherah: Dar al-Salam.
- Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi (t.t.), Qawa'id al-Taḥdith min Funun Mustalah al-Hadith. Muhammad Bahjah al-Baytar (tah). Kaherah: 'Isa al-Babi al-Halbi wa Syurakah.
- Muhammad Khalil Harras (2001), Syarah al-'aqidah al-Wasitiyyah. Riyad, Saudi Arabia: Dar al-Hijrah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Muhammad Siddiq Khan (t.t.), al-Din al-Khalis, jil. 3. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Muhammad Uthman el-Muhammady (2011), Ahli Sunnah Wal Jamaah Penyerapan Unsur-Unsur Akidah Yang Mengelirukan Dalam Masyarakat Di Malaysia, Johor Bahru: Majlis Agama Islam Johor
- Muslim b. al-Hajjaj al-Qusyayri (t.t.), Sahih Muslim, Kitab al-Imarah, Bab La Tazal Ta'ifah min Ummati Zahirin 'ala al-Haqq, j. 13, no. Hadith: 1920 & 1921.
- Mustafa Abdul Razak (1959), Tamhid Li Tarikhi al-Falsafah al-Islamiyyah, Kaherah: al-Dar al-Misriyyah al-Labnaniyyah
- Mustafa al-Syak'ah (1979), Islam bila Madhahib. Kaherah: al-Dar al-Misriyyah al-Labnaniyyah.
- Nu'man 'Abd al-Razzaq al-Samara'i (t.t.), Ahkam al-Murtadd fi al-Syari'ah al-Islamiyyah . Beirut: Dar al-'Arabiyyah.
- Qahthab Abdul Rahman al-Duri dan Rusydi Muhammad 'Ulyan (1996), Usul al-Din al-Islami, Dar al-Fikr, Jordan.
- Rajih Abdul Hamid Sa'id Kurdi, Al-Ittijah al-Salafi Baina al-Asolah Wa al-Mu' asarah, Dar Ammar, Amman. [www.islamonline.com](http://www.islamonline.com)
- Said Hawwa (1993). Jawlat fi al-Fiqhayn al-Kabir wa al-Akbar wa Uluhuma. Kaherah: Dar al-Salam
- Salim Ulwan al-Husaini (2013), "al-Firq al-Mutatorrifah wa Khatruha „Ala al-„Aqidah wa al-Ummah", Seminar Pemurnian Akidah 2013, Kompleks Pusat Islam Kuala Lumpur.
- Syeikh al-Allamah Abdullah bin Alawi al-Haddad (1337H). Risalah al-Mu'awanah wa al-Muzaharah wa al-Muwazarah. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Syeikh Wahbi Sulaiman Ghawiji (2008). Arkan al-Islam. Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
- Umar Hasyim (1999), Siapa Ahlus Sunnah Wal Jamaah?. Batu Caves, Selangor: Galeri Watikah Sdn. Bhd.
- Wahbah al-Zuhayli, Dr.(1989), al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, j. 6. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Wan Zahidi Wan Teh (2014), Mengenal Hakikat Syiah, cet. ke-3, Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (t.t.), Aliran al-Asy'ari dan al-Asya'irah: Perkembangan, Pengaruh dan Kesannya Dalam Dunia Melayu Khususnya Malaysia,



([http://eprints.um.edu.my/3668/1/AlAsy'ariyyah\\_Dalam\\_Dunia\\_Islam\\_dan\\_Malaysia.pdf](http://eprints.um.edu.my/3668/1/AlAsy'ariyyah_Dalam_Dunia_Islam_dan_Malaysia.pdf))

Warta Kerajaan Negeri Kelantan No. 1, 2 Januari 1997.

Warta Kerajaan Negeri Melaka M.P.U. 5 (1997), 24 Julai 1997

Warta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman No. 1110, 25 September 1997;

Zakaria @ Mahmud Daud (2014), Muhammad ibn Abdul Wahhab. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakaria Stapa (2014), “Masalah Perpaduan Ummah di Malaysia Masa Kini: Mampukah Ditangani Menerusi Adab al-Ikhtilaf”, Seminar Pemikiran Islam IV, Universiti Malaya.

Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, Mohd Aizam Mas'od (2014), “Wasatiyyah Dalam Akidah”, Seminar Pemurnian Akidah Islam, Harmonisasi Dalam Mazhab Akidah, Akademi Pengajian Islam UM,

### Biography

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi obtained his Ph.D. from the University of Malaya in 2006 in Theology and Islamic Thought. Currently, he is a senior lecturer at the Faculty of Islamic Contemporary Studies, University Sultan Zainal Abidin, Terengganu. His research areas include deviant teaching, Islamic Theology, and Islamic Thought. He has published a number of papers related to these areas.